

16/11/1999

Media asing sengaja menuding jari

"TAKKAN Melayu Hilang di Singapura, demikian tajuk sebuah laporan dalam majalah Tempo, Jakarta suatu masa dulu. Ayat pertama berbunyi: " Mereka adalah minoritas di rumah sendiri."

Laporan sampingan pula berjudul Suara Besar, Tenaga Kurang. Gambar yang disiarkan menunjukkan pemuda Melayu bermain kompang.

Makalah itu adalah catatan sejarah dan oleh itu ia memberi iktibar kepada semua orang. Perkara ini difikirkan penting sebagai satu ingatan terutama ketika rakyat negara ini membuang undi dalam menghadapi pilihan raya umum pada 29 November ini untuk memilih kerajaan baru menjelang tahun baru dan abad ke-21 serta alaf baru.

Turut menjadi perhitungan dalam pilihan raya kesepuluh ini ialah campur tangan pihak dan kuasa asing yang begitu ketara, termasuk seperti kata orang Melayu, mereka yang "melempar batu, sembunyi tangan".

Bagi mereka, golongan yang mahu diadu-domba atau dilaga-lagakan ialah orang Melayu. Mereka bermula dengan mengadu-domba, kemudian agenda akhirnya ialah untuk memerintah negara ini.

Laporan demi laporan dalam pelbagai media asing menuding jari ke arah kerajaan yang mentadbir negara sejak merdeka.

Satu laporan televisyen CNBC Asia yang berpangkalan di Singapura menyebut wujud rasa tidak puas hati pembangkang mengenai tempoh berkempen yang dianggap singkat. Tapi, tidak pula disebut oleh Martin Soong, pengacara stesen televisyen itu mengenai Singapura sendiri yang menetapkan tempoh berkempen yang lebih singkat. Tidak pun disuarakan mengenai bantahan daripada mana-mana pihak mengenainya. Berani ke?

Beberapa waktu lalu, CNBC Asia membuat temu bual eksklusif dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi berikutan itu disiarkan pula cemuhan David Roche mengenai ekonomi Malaysia.

Baru-baru ini pula, majalah Time, juga milik Amerika Syarikat menyiarkan rencana Roche yang sekali lagi cuba menegakkan benang yang basah. Baginya, segala-galanya hanya betul manakala Malaysia mengikut kuit telunjuk pihak Barat.

Seperti termaklum laporan dalam Asian Wall Street Journal dan International Herald Tribune yang dicetak di Malaysia, mereka sentiasa mengkritik kerajaan. Kedua-duanya adalah sebahagian daripada begitu banyak majalah dan terbitan di pasaran media pada masa ini.

Tidak ada satu pun akhbar atau majalah itu disekat atau dilarang diterbitkan di negara ini. Ia menjadi bukti kebebasan menyuarakan pendapat yang diberikan di Malaysia. Sebaliknya, kesempatan itu mereka gunakan sepenuhnya.

Wajar juga pilihan raya kali ini berlangsung sebelum Ramadan. Tentunya, ia dapat mengelakkan perbuatan yang terkutuk berlaku di masjid dan surau.

Ia menjadi ingatan bahawa berkempen bukan untuk tujuan membalas dendam, menabur rasa benci atau membuat fitnah.

Ia juga bukan bererti membenarkan mengkafir sesama Islam atau bersembahyang berasingan sedangkan ayat-ayat yang dibaca adalah sama dan masing-masing menyembah Tuhan Yang Maha Esa. Dan, ia seterusnya bukanlah bererti setiap orang boleh dengan sewenang-wenangnya menceraikan isteri kerana perhitungan politik. Melakukan hal-hal seperti ini bererti menjadi pembebek agenda pihak dan kuasa asing yang ingin berkuasa semula.

Seperti pernah disebut, politik bukan mengenai keputusan demi keputusan dari atas tetapi mengenai alasan yang difahami rakyat untuk mereka

selanjutnya membuat keputusan atas segala sesuatu.

Di Malaysia, peranan parti politik berkait dengan masalah, harapan, hasrat dan kerisauan pelbagai golongan masyarakat majmuk. Tiada satu pun daripada golongan itu boleh diabaikan.

Semoga suatu masa nanti tidaklah pula majalah Tempo atau apa juga majalah menyiarkan pula laporan berjudul Takkan Melayu Hilang di Malaysia, akibat perpecahan di kalangan orang Melayu. Seperti diingatkan oleh ahli falsafah: "Mereka yang tidak mengingati masa lampau, akan terhukum mengulangnya."

(END)